

PEMBINAAN RANGKA KERJA KELUARGA SAKINAH BERBANTUKAN TEKNOLOGI ICT: KAJIAN TINJAUAN MASYARAKAT DI SELANGOR

The Development Of Sakinah Family Framework Based On Ict Technology: A Community Survey In Selangor

Hasri Harunⁱ, Ahmad Tarmizi Zakariaⁱⁱ, Mohd Wazir Muslatⁱⁱⁱ, Irny Suzila Ishak^{iv} & Saliyah Kahar^v

ⁱ(Corresponding author). Pengarah/Pensyarah Insititut Maqasid Syariah Pusat Kecemerlangan UNISEL

Emel: hasri@unisel.edu.my

ⁱⁱPensyarah Jabatan Pengajian Umum dan Bahasa, Pusat Pengajian Asasi dan Umum, UNISEL

Emel: ahmizi@unisel.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Jabatan Pengajian Umum dan Bahasa, Pusat Pengajian Asasi dan Umum, UNISEL

Emel: wazir@unisel.edu.my

^{iv}Pensyarah Kanan (Phd) Fakulti Komunikasi , Seni Visual dan Perkomputeran,

Emel: irny@unisel.edu.my

^vPensyarah Kanan (Phd) Fakulti Komunikasi , Seni Visual dan Perkomputeran,

Emel: saliyah@unisel.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pembinaan keluarga bahagia menurut Islam dicirikan sebagai al-Sakinah yang berteraskan prinsip mawaddah wa rahmah (cinta dan kasih sayang). Namun begitu, keruntuhan institusi keluarga banyak berleluasa berlaku pada masa kini akibat daripada kelemahan ilmu pasangan dan persiapan pasangan dalam menempuh alam perkahwinan. Sesuatu pasangan yang berkeluarga memerlukan pelbagai ilmu serta sistem sokongan yang mencukupi untuk mengekalkan kebahagiaan dan keharmonian keluarga. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman pasangan Muslim berkenaan persediaan dan tanggungjawab sebelum, semasa dan selepas perkahwinan serta mengenalpasti keperluan teknologi ICT bagi membantu penerapan ilmu pasangan muslim membentuk keluarga sakinah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan melibatkan 404 responden muslim dari Selangor. Data yang telah didapati dianalisis secara deskriptif dengan</i></p>	<p><i>Building a happy family according to Islam is characterized as al-Sakinah which is based on the principle of mawaddah wa rahmah (love and affection). However, the collapse of the family institution is rampant nowadays as a result of lack of knowledge and preparation for marriage. Family couples need knowledge, adequate systems to maintain family happiness. The need to understand the preparation and responsibilities before, during and after marriage is key to developing the Sakinah Family. This study aims to examine the knowledge of Muslim couples in Selangor about knowledge before, during and after marriage and identify the need to include ICT Technology to help better understanding of Sakinah Family development. This study uses a survey method involving 404 Muslim respondents from the State of Selangor. Data</i></p>

<p>menggunakan perisian SPSS (Statistical Package of Social Science). Hasil kajian ini mendapati tahap kefahaman persiapan pasangan muslim di Selangor agak baik dan penerapan ilmu berkaitan perkahwinan melalui teknologi ICT amat mendapat sokongan pasangan Muslim Selangor bagi membantu pasangan muslim memahami ilmu bagi melahirkan keluarga sakinah dan menjadikan mereka masyarakat Selangor yang celik syariah. Hasil analisis daripada kajian ini digunakan untuk membangunkan rangka kerja pembentukan keluarga sakinah berbantuan ICT sebagai garis panduan bagi pembangunan aplikasi mudah alih ICT Keluarga Sakinah.</p> <p>Kata Kunci: celik syariah, keluarga sakinah, persiapan berkeluarga, teknologi ICT</p>	<p>were analysed using SPSS software (Statistical Package of Social Science). The results of this study found that the understanding of Selangor muslim couple are good and the application of knowledge through ICT Technology have full support from Selangor Muslim Community to help muslim couple have better understanding to develop Sakinah Family and in producing Selangor community who are syariah literate. This study also produce Sakinah Family Development with ICT Technology Framework as a basis to develop Sakinah Family ICT Mobile Application.</p> <p>Keywords: Sakinah Family, Family Preparation, Shariah Literacy, ICT Technology</p>
--	---

PENDAHULUAN

Sebuah keluarga yang bahagia adalah satu impian oleh seluruh rakyat dalam sesebuah negara. Namun kebahagiaan ini tidak akan dapat dibina melainkan dengan ilmu, kemahiran dan sokongan diperlukan bagi membina keluarga yang sejahtera. Menurut Nabila Huda et.al (2019), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mendefinisikan keluarga sejahtera sebagai sesuatu keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan.

Institusi keluarga yang sejahtera inilah yang akan menyumbang kepada pembangunan negara melalui penghasilan modal insan berkualiti. Namun begitu, mutakhir ini peningkatan kadar perceraian berlaku setiap tahun dan Selangor mencatatkan angka paling tinggi dalam kes perceraian umat Islam di Malaysia. Antara faktor perceraian berlaku adalah pasangan tidak bertanggungjawab, lemah didikan agama serta masalah akhlak dan moral. Menurut Ratna Roshida (2007), kelemahan institusi keluarga adalah kerana keluarga semakin jauh daripada nilai-nilai moral yang diajar dalam agama. Apabila lemah pendidikan agama, mereka sering merujuk kepada rujukan yang kurang tepat berkenaan kaedah penyelesaian masalah dan ini menyumbang kepada statistik perceraian yang semakin meningkat.

Oleh itu, berdasarkan kepentingan pembinaan sesebuah keluarga bahagia, didapati terdapat keperluan untuk membangunkan satu rangka kerja dan dimensi yang jelas bagaimana sebuah keluarga sakinah itu dapat dibangunkan menurut panduan Islam. Kajian ini akan mengenalpasti tahap kefahaman

pasangan muslim berkenaan persediaan dan tanggungjawab sebelum, semasa dan selepas perkahwinan serta mengenalpasti keperluan teknologi ICT bagi membantu penerapan ilmu pasangan muslim membentuk keluarga sakinah.

KAJIAN LITERATUR

Perceraian dikalangan masyarakat di Selangor adalah antara isu yang besar yang berlaku dan memerlukan satu usaha yang holistik. Impak daripada perceraian akibat daripada keruntuhan rumahtangga akan memberi kesan kepada seluruh struktur masyarakat termasuk dalam aspek psikologi dan hubungan kekeluargaan. Menurut Nor Syaibah Shabuddin et.al (2016) isu perceraian ini serius kerana perceraian bukan sahaja memberi impak kepada pasangan itu sahaja, tetapi turut memberi kesan kepada anak-anak, dan juga struktur keluarga dari sudut psikologi, sosial dan juga ekonomi. Dari aspek teknologi pula, ia juga ada menyumbang kepada keruntuhan rumahtangga.

Menurut Zulkifli (2011) salahguna ICT sebagai medium komunikasi dalam membangunkan dan membina tamadun baru manusia boleh menyumbang keruntuhan rumahtangga. Satu kajian yang dilakukan oleh Maryam Abd Majid & Mohamad Syafirul Zarif Saleh Hudin (2017) yang bertajuk Perceraian rumah tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan pendekatan menanganinya mendapati bahawa pendedahan khusus perlu diberikan terhadap usaha penyaluran ilmu pengetahuan terutama ilmu agama, ilmu komunikasi rumah tangga, ilmu psikologi dalam rumah tangga, pendidikan anak-anak bagi pasangan suami dan isteri adalah sangat penting bahkan ia boleh mengelakkan sebarang impak keretakan rumahtangga.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Alyasak Berhan & Wan Abd Fattah Wan Ismail (2016) Pengetahuan Masyarakat Islam terhadap perceraian luar Mahkamah di Daerah Tampin, Negeri Sembilan mendapati literasi maklumat berkenaan dengan nikah, cerai dan rujuk perlulah diperluaskan di segenap lapisan masyarakat melalui forum, ceramah, diskusi ilmiah, risalah dan sebagainya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah melalui 4 fasa. Dalam fasa pertama, kajian literatur dilaksanakan dengan mengkaji berkenaan isu dan masalah berkaitan perkahwinan masyarakat Muslim, rangka kerja sedia ada berkaitan pembangunan keluarga bahagia, fungsi sistem ICT sedia ada berkaitan perkahwinan Muslim di Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah. Draf Rangka Kerja Keluarga Sakinah Berbantuan ICT awal telah dihasilkan berdasarkan analisis kajian literatur. Manakala dalam fasa kedua, kajian tinjauan dilaksanakan dengan merekabentuk soal-selidik, membuat pilot testing dan menambahbaik soal-selidik untuk kajian lapangan sebenar. Setelah ditambahbaik, borang soal-selidik kajian ini mengandungi 7 bahagian utama:

- a. Bahagian A: Maklumat demografi responden
- b. Bahagian B: Bahagian ini mengukur asas kefahaman agama responden
- c. Bahagian C: Bahagian ini mengukur tentang persiapan berkeluarga
- d. Bahagian D: Bahagian ini mengukur tentang pengurusan rumahtangga/keluarga
- e. Bahagian E: Bahagian ini mengukur pengurusan perceraian/perpisahan
- f. Bahagian F: Bahagian ini melihat persepsi responden tentang cadangan pemantapan keluarga
- g. Bahagian G: Bahagian ini melihat persepsi responden tentang keperluan ICT yang membantu proses sebelum, semasa dan selepas berkeluarga

Responden kajian adalah orang Islam yang tinggal di pelbagai daerah seluruh Selangor termasuk kawasan bandar, luar bandar dan pinggir bandar. Penentuan sampel kajian adalah menggunakan persampelan rawak mudah. Minimum sampel kajian telah dikenalpasti menggunakan perisian Raosoft iaitu sebanyak 383. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden secara dalam talian ke Pejabat Agama Daerah, pejabat-pejabat dan media sosial.

Seterusnya dalam fasa ketiga data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package of Social Science*). Selain daripada itu, analisis korelasi juga dilaksanakan bagi mengenalpasti hubungan antara akidah, syariat dan akhlak kepada persediaan sebelum, semasa dan selepas perkahwinan. Dan fasa keempat dan terakhir berdasarkan hasil kajian, draf Rangka Kerja Keluarga Sakinah Berbantuan ICT awal di Fasa 1 telah dikemaskini dan semakan pakar akan dilaksanakan.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Seramai 404 responden telah memberikan maklumbalas kajian dari pelbagai daerah seluruh Selangor termasuk kawasan bandar, luar bandar dan pinggir bandar. Sebanyak 161(39.9%) responden adalah lelaki, manakala 243 (60.1%) adalah wanita. Sebahagian besar responden berumur 31-40 tahun (31.4%), 21-30 tahun (29.7%) dan 41-50 tahun (28%). Tahap pendidikan kebanyakan responden adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda (67.1%), diikuti oleh pemegang Ijazah Doktor Falsafah (21.3%) dan pemegang Ijazah Sarjana (21.3%). Tahap kebolehpercayaan soalan kajian adalah tinggi di mana nilai Cronbach Alpha setiap kategori adalah antara 0.78 sehingga 0.97.

Hasil kajian ini dikategorikan mengikut beberapa aspek seperti kefahaman agama, persediaan untuk berkeluarga, pengurusan rumah tangga dan keluarga, pengurusan perceraian atau perpisahan. :

Aspek Kefahaman Agama

Berdasarkan kajian, didapati majoriti responden mempunyai kefahaman agama yang baik iaitu mereka berniat apabila melakukan sesuatu (93.1%), memulakan sesuatu dengan bismillah (91.6%), sentiasa berusaha menambahkan ilmu berkaitan agama (92.8%), memastikan solat lima waktu (94.8%), sentiasa berpakaian menutup aurat (92.1%), memastikan kebersihan rumah terpelihara (94.6%), memilih makanan yang halal (99.8%) dan membaca doa sebelum makan (95%) dan bercita-cita untuk belajar lebih tinggi (87.6%). Namun begitu terdapat beberapa aspek kefahaman agama perlu ditingkatkan oleh responden iaitu berkenaan solat di masjid atau surau (39.6%), kerap membaca al-Quran (65.8%), berpuasa sunat (31.7%), bercakap bohong bila terdesak (20.3%), mendengar hiburan yang bermanfaat sahaja (63.1%), dan menjauhkan diri dari mengumpat (71.8%).

Aspek Persediaan Untuk Berkeluarga

Berkenaan aspek persediaan untuk berkeluarga, kajian menunjukkan responden memilih pasangan yang beragama dan berakhlak (94.8%), mengikuti kursus perkahwinan sebagai persediaan berumah tangga (92.8%), mendalami ilmu rumah tangga sebelum berkahwin (89.4%), memilih pasangan sekufu (82.2%), mengenali dan melihat isteri sebelum berkahwin (94.3%), memahami rukun nikah (93.1%), memahami tanggungjawab suami isteri (94.8%), membuat persediaan mental dan fizikal (80.4%), mengutamakan majlis perkahwinan yang sederhana (92.1%), mengenali ahli keluarga pasangan (81.9%) dan menjaga batas pergaulan dengan bakal pasangan (85.9%). Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu ditambahbaik responden berkenaan persediaan berkeluarga iaitu mengelakkan bertemu bakal pasangan tanpa muhrim (63.9%), menyimpan wang secukupnya sebelum berkahwin (79%), meninggalkan sepenuhnya tabiat buruk sebelum berkahwin (79.5%), mendapatkan kenderaan dan kediaman yang selesa (79.2%).

Aspek Pengurusan Rumah Tangga dan Keluarga

Berdasarkan kajian yang dilakukan berkenaan aspek pengurusan rumahtangga dan keluarga, kebanyakan responden mempunyai kefahaman bahawa mereka dan pasangan mempunyai tanggungjawab sebagai suami atau isteri (92%), mereka dan pasangan sentiasa menjaga solat lima waktu (92.3%), mereka dan pasangan menjaga hubungan dengan keluarga pasangan masing-masing (92.6%), mereka dan pasangan kerap menggunakan bahasa yang sopan di dalam komunikasi seharian (84.9%), mereka sekeluarga sentiasa positif dalam kehidupan seharian (88.8%), mereka memastikan wang belanja yang cukup untuk ahli keluarga (91.7%), mereka membuat bajet belanja bulanan daripada gaji mereka (88%), mereka memastikan ahli keluarga mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang (90.6%), mereka memastikan anak-anak mahir dalam

pembacaan Al-Quran (94%), mereka membelikan bahan-bahan bacaan bermanfaat untuk ahli keluarga (83.4%), mereka sering membawa keluarga menziarahi sanak-saudara (80.9%) dan mereka memiliki kediaman yang selesa untuk didiami (89.7%). Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki dan ditingkatkan untuk memperbaiki dan mengekalkan keharmonian rumahtangga. Antaranya adalah sentiasa mempunyai masa yang cukup untuk bersama keluarga setiap hari (79.8%), sentiasa bertukar ucapan dan hadiah pada hari-hari istimewa (70.2%), sentiasa meningkatkan kefahaman berkeluarga dengan mengikuti majlis-majlis ilmu (74.3%) dan kerap berpuasa sunat (42.7%).

Aspek Pengurusan Perceraian atau Perpisahan

Berdasarkan kajian tentang aspek pengurusan rumahtangga dan keluarga, kebanyakan responden faham bahawa perceraian mestilah didaftarkan di pejabat agama yang berkenaan (97.7%), perceraian mempunyai implikasi berbeza-beza mengikut jenis-jenis perceraian (94.3%), isteri yang diceraikan wajib untuk beridrah (95.1%), isteri yang diceraikan berhak mendapat nafkah tempat tinggal dan makan minum semasa idah (96.4%), suami yang rujuk semula selepas perceraian wajib mendaftarkan proses tersebut di pejabat agama berkenaan (96%), hak-hak kedua-dua pihak suami dan isteri seperti pembahagian harta dan hak jagaan anak-anak wajib diselesaikan selepas proses perceraian muktamad (95.7%), perceraian adalah langkah terakhir setelah usaha-usaha mendapatkan nasihat dan bimbingan telah diambil (95.4%), tanggungjawab kepada anak-anak adalah kekal walaupun selepas bercerai (99.2%), pergaulan antara pasangan yang telah bercerai tidak lagi bebas seperti sebelum bercerai (96.3%), hubungan yang baik dengan keluarga bekas pasangan mesti diteruskan seperti biasa (96%), perlu melakukan muhasabah terhadap punca-punca yang menjadi sebab perceraian (94%), tidak mendedahkan keaiban bekas pasangan kepada umum (97.4%) serta menghormati dan menjaga perasaan bekas pasangan (95%). Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian di mana sebanyak 80.5% responden berpendapat bahawa perceraian adalah cara terbaik penyelesaian krisis rumahtangga, hanya 71.5% responden bersetuju bahawa perceraian mestilah dilakukan secara baik sebagaimana akad perkahwinan dan sebanyak 96.8% responden berpendapat perceraian adalah satu bentuk hukuman kepada pasangan.

Cadangan Pementapan Keluarga

Terdapat beberapa cadangan pementapan keluarga yang mendapat persetujuan dari kebanyakan responden. Antaranya adalah responden berpendapat bahawa kursus *post-marriage* (selepas berkahwin) adalah penting untuk meningkatkan ilmu rumahtangga (92.8%), informasi berkaitan ilmu rumahtangga boleh dikongsi di laman maya melalui aplikasi sosial oleh pihak pejabat agama (97%), peraturan-peraturan dan undang-undang kekeluargaan hendaklah dikongsi

di aplikasi-aplikasi secara dalam talian(96.8%), aduan dan pandangan berkaitan kekeluargaan boleh disalurkan menerusi aplikasi secara dalam talian (92.8%), pendaftaran perkahwinan dipermudahkan dengan memenuhi setiap peraturan yang ditetapkan (92.8%), semua proses berkaitan perceraian dan rujuk dilakukan secara sistematik (95.3%), sentiasa diadakan promosi keluarga muslim yang sakinah, mawaddah dan rahmah yang menepati piawai syarak (95.8%), soal jawab permasalahan rumahtangga melalui dalam talian (87.4%), kempen pembinaan keluarga bahagia menerusi media(94.6%), memperbanyakkan bahan-bahan bacaan bercetak dan dalam talian (97.3%), menghadiri bengkel dan seminar kekeluargaan (92.1%), mendalami ilmu pengurusan anak-anak (98%), memperuntukkan masa berkualiti bersama anak-anak (98.5%), bersikap prihatin dan berkongsi masalah dengan anak-anak (95.5%) serta menunjukkan contoh teladan yang baik terhadap anak-anak (98.3%).

Hubungan Antara Aqidah, Syariah dan Akhlak dengan Persediaan Berkeluarga

Berdasarkan Jadual 1, terdapat hubungan yang kuat antara aqidah, syariah dan akhlak dengan persediaan untuk berkeluarga dan pengurusan rumahtangga. Manakala terdapat hubungan yang kurang kuat antara aqidah, syariah dan akhlak dengan pengurusan perceraian dan perpisahan. Ini adalah kerana nilai korelasi R adalah melebihi 0.5. Ini menunjukkan pentingnya unsur persediaan iman dan akidah yang murni dalam pembentukan keluarga sejahtera. Kita tidak mampu melahirkan keluarga yang benar-benar bahagia tanpa persiapan kefahaman tentang akidah, syariah dan akhlak.

Jadual 1: Hubungan Akidah, Syariah dan Akhlak dengan Keluarga Sakinah

Hubungan		Sebelum	Semasa	Selepas
		berkahwin	Berkahwin	perkahwinan
		Nilai korelasi (pearson (r))		
		Nilai p		
Aqidah		0.70**	0.52**	0.42**
	Nilai p	<.001	<.001	<.001
Syariah		0.64**	0.77**	0.46**
	Nilai p	<.001	<.001	<.001
Akhlak		0.64**	0.74	0.45**
	Nilai p	<.001	<.001	<.001

Jadual 2 menunjukkan semua fungsi yang dicadangkan sebanyak 30 fungsi untuk dimasukkan ke dalam aplikasi mudah alih dan sistem ICT keluarga sakinah mendapat persetujuan responden sebanyak 98 peratus ke atas. Ini menunjukkan kesemua 30 fungsi sistem ICT yang dicadangkan perlu dimasukkan ke dalam rangka kerja dan aplikasi mudah alih sistem ICT untuk membantu pembentukan keluarga sakinah.

Jadual 2 Fungsi Sistem ICT Keluarga Sakinah

Fungsi Sistem ICT Keluarga Sakinah	Peratus Responden Bersetuju
Fungsi tempah kursus kahwin	99.5%
Fungsi nota persediaan perkahwinan	99.8%
Fungsi senarai semak persediaan perkahwinan	99.3%
Fungsi ilmu perancangan kewangan untuk persiapan perkahwinan dan perbelanjaan setelah berkahwin	100.0%
Fungsi direktori tempat belajar mengaji	99.6%
Fungsi direktori tempat belajar solat cara Rasulullah	99.8%
Fungsi direktori kelas agama	99.8%
Fungsi direktori tempahan perkahwinan bajet	98.6%
Fungsi borang permohonan perkahwinan	100.0%
Fungsi nota panduan memilih pasangan	99.8%
Fungsi prosedur permohonan perkahwinan	100.0%
Direktori kursus kahwin yang diiktiraf	100.0%
Fungsi konsultasi masalah keluarga atas talian	98.5%
Fungsi nota bergambar kaedah pendidikan anak-anak	99.8%
Fungsi video kaedah keluarga Sunnah	99.8%
Fungsi video mencari kebahagiaan dan ketenangan	100.0%
Fungsi senarai semak tugas suami mithali	99.8%
Fungsi nota solat berjemaah dan kebahagiaan	100.0%
Fungsi video kelebihan solat berjemaah	99.5%
Tips pembangunan keluarga sakinah	100.0%
Tips kaedah pengurusan keluarga berkesan	100.0%
Tips kaedah menangani konflik rumah tangga	99.8%
Fungsi video untuk nasihat mengelakkan perceraian	99.8%
Fungsi konsultasi dalam talian dengan Ustaz/Ustazah	99.3%
Fungsi konsultasi dalam talian dengan Peguam Syariah	98.0%
Fungsi konsultasi kaunseling	99.1%
Fungsi nota berkaitan nafkah setelah perceraian	100.0%
Fungsi nota berkaitan hadanah	99.8%
Fungsi borang permohonan perceraian	98.6%
Fungsi direktori agensi bantuan untuk ibu tunggal *	100.0%

PEMBANGUNAN RANGKA KERJA KELUARGA SAKINAH

Pembentukan Keluarga Sakinah dengan mempunyai hubungan dengan kemantapan kefahaman pasangan tentang aspek akidah, syariah dan akhlak. Akidah dalam keluarga adalah satu unsur penting dalam kesejahteraan keluarga. Menurut Nur Zahidah et. al, 2011), akidah ini penting untuk mendalami kepercayaan dan keyakinan yang kukuh tentang kewujudan Allah SWT berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah di samping menjauhkan diri daripada mensyirikkan Allah serta sifat-sifat kesempurnaanNya.

Selain daripada kekuatan aqidah yang merupakan asas keutuhan ummah terutama dalam rumahtanga, elemen syariah juga tidak kurang pentingnya dalam membina keluarga sakinah. Aktiviti ibadah dan muamalah dalam rumahtangga juga penting bagi melahirkan individu yang sejahtera dalam keluarga. Amal atau muamalah seharian penting bagi melaksana segala kefahaman hidup dalam keluarga. Pemeraksanaan kerohanian dan amalan-amalan keagamaan turut perlu diambil perhatian oleh setiap ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai matlamat yang jelas dalam membina rumahtangga serta menghayati ilmu-ilmu agama pasti dapat mengawal dirinya daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan akhlak yang dianjurkan agama. (Nabila Huda Zaim et.al, 2020).

FUNGSI SISTEM ICT UNTUK KELUARGA SAKINAH

Terdapat 30 fungsi untuk dimasukkan ke dalam aplikasi mudah alih dan sistem ICT Keluarga Sakinah (Rujuk Jadual 3). Fungsi sistem ICT ini dikategorikan kepada fungsi untuk membantu sebelum perkahwinan semasa perkahwinan dan selepas perkahwinan. Terdapat 12 fungsi sistem ICT untuk membantu masyarakat membuat persediaan sebelum perkahwinan, 11 fungsi sistem ICT untuk panduan semasa perkahwinan dan 7 fungsi sistem ICT untuk membantu masyarakat yang bercerai hidup atau mati. Fungsi sistem ICT tersebut boleh dikategorikan dalam bentuk video, konsultasi dalam talian, muat turun borang dalam talian, tips bahan bacaan dalam talian dan direktori dalam talian.

Jadual 3: Fungsi Sistem ICT Keluarga Sakinah

Sebelum Perkahwinan	Semasa Perkahwinan	Selepas Perkahwinan
1) Tempah kursus kahwin	1) Konsultasi masalah keluarga dalam talian	1) Konsultasi dalam talian dengan Ustazah
2) Nota persediaan perkahwinan	2) Nota bergambar kaedah pendidikan anak-anak	2) Konsultasi dalam talian dengan Peguam Syariah
3) Senarai semak persediaan perkahwinan	3) Video kaedah keluarga sunnah	3) Konsultasi kaunseling
4) Ilmu perancangan kewangan untuk persiapan perkahwinan dan perbelanjaan setelah berkahwin	4) Video mencari kebahagiaan dan ketenangan	4) Nota berkaitan nafkah setelah perceraian
5) Direktori tempat belajar mengaji	5) Senarai semak tugas suami mithali	5) Nota berkaitan hadanah
6) Direktori tempat belajar solat cara Rasulullah	6) Nota solat berjemaah dan kebahagiaan	6) Muat turun borang permohonan penceraian
7) Direktori kelas agama	7) Video kelebihan solat berjemaah	7) Direktori agensi bantuan untuk ibu tunggal
8) Direktori tempahan perkahwinan bajet	8) Tips pembangunan keluarga sakinah	
9) Prosedur permohonan perkahwinan		

10) Muat turun borang permohonan perkahwinan	9) Tips pengurusan keluarga berkesan
11) Direktori kursus kahwin yang diiktiraf	10) Tips kaedah menangani konflik rumahtangga
12) Panduan memilih pasangan	11) Video nasihat mengelakkan penceraian

Gabungan Elemen dalam Pembangunan Rangka Kerja Sakinah Berbantuan ICT

Pembangunan Rangka Kerja Keluarga Sakinah mempunyai tiga tunggak utama iaitu aspek akidah, syariah dan akhlak seperti dalam Rajah 1. Ketiga-tiga elemen ini adalah sangat penting dan menjadi asas keutuhan dan mengukuhkan kestabilan diri sebelum perkahwinan, semasa perkahwinan, serta selepas perkahwinan. Elemen penting untuk persediaan sebelum perkahwinan, semasa perkahwinan, serta selepas perkahwinan juga telah dikenalpasti dalam pembangunan rangka kerja sakinah. Akhir sekali, teknologi ICT telah dikenalpasti untuk membantu setiap fasa sebelum, semasa dan selepas perkahwinan agar keharmonian keluarga dan masyarakat dapat dipelihara.

RANGKA KERJA PEMBANGUNAN KELUARGA SAKINAH SELANGOR		
TERAS/ELEMEN KEKUKUHAN KELUARGA SAKINAH		
AQIDAH	AKHLAK	SYARIAH
<p><i>Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah Azza wa Jalla yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah Azza wa Jalla sentiasa memerhati (mengawas) kamu. al-Nisa' (4) :1</i></p>		
SEBELUM PERKAHWINAN	SEMASA PERKAHWINAN	SELEPAS PERKAHWINAN
1) Asas kefahaman agama / tauhid 2) Persediaan berkeluarga (pemilihan pasangan beragama 3) Persediaan diri (ilmu, emosi, persediaan keluarga, menjaga batas pergaulan) 4) Persediaan Ekonomi (kewangan, rumah, nafkah, kenderaan)	1) Kefahaman syariah dalam pengurusan rumah tangga 2) Akhlak dan menjaga silaturrahim dalam menguruskan rumahtangga 3) Menunaikan hak dan tanggungjawab 4) Pengurusan ekonomi rumahtangga 5) Perlaksanaan ibadah dan ilmu dalam keluarga	1) Keyakinan dan keredhaan kepada Qada' dan Qadr 2) Kaunseling sebelum bercerai 3) Memahami prosedur pengurusan penceraian 4) Kefahaman dan hak-hak selepas perceraian (nafkah, hak-hak bekas isteri, suami dan anak-anak)

		5) Mengamalkan akhlak yang baik selepas perceraian
APLIKASI MUDAH ALIH YANG MENGANDUNGI ELEMEN ICT (MULTIMEDIA INTERAKTIF) MENGANDUNGI TEKS, VIDEO, GAMBAR, INTERAKSI ATAS TALIAN)		
SEBELUM PERKAHWINAN	SEMASA PERKAHWINAN	SELEPAS PERKAHWINAN
<ol style="list-style-type: none"> 1) Tempah kursus kahwin 2) Nota persediaan perkahwinan 3) Senarai semak persediaan perkahwinan 4) Ilmu perancangan kewangan untuk persiapan perkahwinan dan perbelanjaan setelah berkahwin 5) Direktori tempat belajar mengaji 6) Direktori tempat belajar solat cara rasulullah 7) Direktori kelas agama 8) Direktori tempahan perkahwinan bajet 9) Prosedur permohonan perkahwinan 10) Muat turun borang permohonan perkahwinan 11) Direktori kursus kahwin yang diiktiraf 12) Panduan memilih pasangan 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Konsultasi masalah keluarga dalam talian 2) Nota bergambar kaedah pendidikan anak-anak 3) Video kaedah keluarga Sunnah 4) Video mencari kebahagiaan dan ketenangan 5) Senarai semak tugas suami mithali 6) Nota solat berjemaah dan kebahagiaan 7) Video kelebihan solat berjemaah 8) Tips pembangunan keluarga sakinah 9) Tips pengurusan keluarga berkesan 10) Tips kaedah menangani konflik rumahtangga 11) Video nasihat mengelakkan perceraian 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Konsultasi dalam talian dengan Ustazah 2) Konsultasi dalam talian dengan Peguam Syariah 3) Konsultasi kaunseling 4) Nota berkaitan nafkah setelah perceraian 5) Nota berkaitan hadanah 6) Muat turun borang permohonan perceraian 7) Direktori agensi bantuan untuk ibu tunggal

Rajah 1: Rangka Kerja Keluarga Sakinah Berbantuan ICT

KESIMPULAN

Pada masa kini, masyarakat sering menghadapi masalah untuk mendapat maklumat berkenaan persediaan perkahwinan dan menguruskan konflik rumahtangga ataupun perceraian. Rujukan yang kurang tepat menyebabkan

masalah semasa proses menguruskan pernikahan serta statistik perceraian semakin meningkat. Proses pengurusan masalah persiapan perkahwinan, pembangunan keluarga dan perceraian ini dapat ditambahbaik dengan membangunkan rangka kerja yang lebih holistik. Melalui proses pembangunan yang holistik ini akan membantu masyarakat di Selangor celik akan segala permasalahan yang harus ditangani. Secara umumnya agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Agama Islam Selangor dan LPPKN Negeri Selangor memang menyediakan saluran maklumat tetapi ianya tidak secara holistik.

Setakat ini, belum ada lagi aplikasi dibangunkan yang meliputi semua aspek pembangunan keluarga seperti persediaan sebelum perkahwinan, semasa dalam proses untuk permohonan perkahwinan, pembangunan rumahtangga, menangani konflik rumahtangga dan perceraian. Aplikasi ini harus dibangunkan untuk membantu komuniti Islam Selangor mencapai maklumat berkaitan pembangunan keluarga Sakinah dengan lebih mudah, mendidik mereka untuk membuat keputusan lebih bijak dan mengurangkan statistik perceraian khususnya di Selangor. Ini juga selaras dengan dasar besar kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebuah Negeri Pintar dan melahirkan Komuniti Negeri Selangor yang celik syariah.

PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS2018) GPNS/18/01-UNISEL010, Universiti Selangor (UNISEL) Shah Alam. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor dibawah Pejabat SUK Negeri Selangor atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

RUJUKAN

- al-Attas (1995), *Haqiqat al-Sa'adah wa Ma'naha fi al-Islam*: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) hlm 19
- Al-Ghazali (1992) *Menyingkap Hakikat Perkahwinan*. Terj. Muhammad al-Baqir. Cetakankeempat. Bandung: Penerbit Karisma.
- Al-Ghazali (2007) *Kimiya-e Saadat the Alchemy of Happiness*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, hlm. 36
- Al-Zuhayli, W. (2000) *Al-Usrah al-Muslimah fi al-Alam al-Mu'asirah*. Damsyik: Dar al-Fikr
- Alyasak Berhan & Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2016) *Pengetahuan Masyarakat Islam terhadap Perceraian Luar Mahkamah di Daerah Tampin, Negeri Sembilan*. Malaysian Journal of Syariah and Law. USIM
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin (2017) *Perceraian rumah tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan pendekatan menangannya*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (rnc.kuis.edu.my/jpi)

- Nabila Huda Zaim & Norsalehah Mohd Salleh (2019) *Kesejahteraan Keluarga di Malaysia: Suatu Sorotan Awal Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi
- Nurzahidah Jaafar & Raihanah Abdullah (2011) *Model Keluarga Bahagia*. Jurnal Fiqh, No. 8 hlm. 25-44 Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah & Syazwana Aziz (2016) *Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor*, Jurnal Sains Sosial Malaysian, Journal of Social Science. Kuala Lumpur
- Ratna Roshida Abd. Razak (2007) *Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun*, Jurnal Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang
- Zulkiple Abd. Ghani (2001) *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini